

Sabtu, 29 Jun 2019 | 5:07pm



SAIFUDDIN Nasution Ismail (kiri) memberi duit raya kepada golongan kanak-kanak pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri KPDNHEP di Dewan Putra, Majlis Perbandaran Kulim, Bandar Putra, Kulim.
- Foto BERNAMA

Naikkan had tuntutan pengguna

Siti Nur Mas Erah Amran

bhnews@bh.com.my

KULIM: Pindaan berkaitan Akta Perlindungan Pengguna 1999 akan dibentangkan pada persidangan Parlimen bermula Isnin ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata pindaan itu berkaitan menaikkan had tuntutan di bawah Tribunal Tuntutan Pengguna daripada RM25,000 kepada RM50,000.

"Di bawah bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna (TTP), bidang kuasanya melayani satu aduan membabitkan tuntutan kepada pihak dituntut, maksimum RM25,000.

“Kalau Parlimen luluskan, tuntutan pengguna yang mengadu ditipu sebagainya, kita naik sampai RM50,000,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri KPDNHEP di sini, hari ini. TTP ialah badan adjudikasi bebas yang ditubuhkan di bawah Seksyen 85, Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) dan mula berkuat kuasa pada November 1999.

Berdasarkan Seksyen 91 Akta 599, pengguna boleh membuat tuntutan kepada mana-mana individu atau syarikat berhubung aduan membabitkan barang yang dibeli atau perkhidmatan yang diberikan, selagi tuntutan berkenaan tidak melebihi RM25,000.

Beliau berkata, usaha kementeriannya untuk meminda akta itu antara langkah bagi menangani kes penipuan dalam talian.

“Kes penipuan dalam talian kini menduduki tempat kedua bagi kategori aduan pengguna diterima KPDNHEP dalam tempoh setahun ini.

“Aduan penipuan atas talian sudah menduduki nombor dua. Yang pertama masih lagi kenaikan harga. Penipuan atas talian sekarang mencecah antara 23 hingga 24 peratus.

“Pertambahan bilangan aduan berpunca daripada peningkatan aktiviti perniagaan dalam talian,” katanya.

